



PERLEMBAGAAN

(Pindaan 2023)

Persatuan Kebajikan Qariah
Kampung Tersusun Tasek Ipoh Perak



PERLEMBAGAAN BAGI
PERSATUAN KEBAJIKAN QARIAH KAMPUNG TERSUSUN TASEK, IPOH, PERAK
(PPM-009-08-03012005)

Fasal 1

NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN KEBAJIKAN QARIAH KAMPUNG TERSUSUN TASEK,
IPOH, PERAK**

selepas ini disebut Pertubuhan.

(2) Nama Ringkas :

(3) Takrif Nama :

(4) Bertaraf : Negeri

Fasal 2

TEMPAT URUSAN

(1) Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah

**NO. 13, HALA TASEK TIMUR 9, KAMPUNG TERSUSUN TASEK,
31400 IPOH
PERAK**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa
oleh Jawatankuasa Pusat; dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**NO. 13, HALA TASEK TIMUR 9, KAMPUNG TERSUSUN TASEK,
31400 IPOH
PERAK**

(2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah
tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

Fasal 3

TUJUAN

- a. Memberi bantuan apabila berlaku kematian ahli-ahli dan tanggungannya.
- b. Memberi bantuan ahli yang menerima rawatan sakit di wad Hospital Kerajaan.
- c. Memberi bantuan apabila berlaku kemalangan mengejut yang berat pada diri ahli dan tanggungannya serta kemusnahan harta.
- d. Memajukan sosio ekonomi dan budaya ahli-ahli dan masyarakat setempat di samping meluaskan usaha-usaha ekonomi bagi faedah persatuan dan masyarakat umum.
- e. Memberi bantuan subsidi pendidikan anak-anak/tanggungannya ahli.
- f. Berusaha dengan sedaya upaya untuk membolehkan persatuan ini memiliki harta harta berupa tanah, bangunan, wang, dan harta benda lain yang mana dibenarkan oleh undangundang berkenaan.

Fasal 4

KEAHLIAN

Ahli-ahli Persatuan adalah terbuka kepada penduduk Islam Qariah Kampung Tersusun Tasek, 31400 Ipoh, Perak dan sekitarnya di dalam Mukim Ulu Kinta yang berumur tidak kurang daripada 18 (lapan belas) tahun tetapi tidak melebihi 60(enam puluh)tahun pada tarikh permohonan dikemukakan.

Fasal 5

SUMBER KEWANGAN

- a. Setiap ahli dikenakan yuran bulanan sebanyak RM5.00 (Ringgit : Lima sahaja) dan dibayar kepada Bendahari tidak lewat 7 (tujuh) haribulan pada bulan berikutnya. Hanya 40 (empat puluh) sen sahaja daripada yuran bulanan setiap ahli boleh digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran Persatuan ini manakala RM4.60 (Ringgit : Empat dan enam puluh sen sahaja) lagi digunakan untuk bantuan, kematian, rawatan sakit, kemalangan, dan sebagainya.
- b. Perbelanjaan pentadbiran digunakan untuk pembiayaan pentadbiran seperti Pembelian urusetia, bayaran cukai harta atau tanah, membaiki bangunan, membaiki perabot, membayar saguhati kepada Ahli Jawatankuasa, Pemungut wang, dan

orang-orang yang patut menerimanya. Pembahagian ini akan diputuskan di Mesyuarat Jawatankuasa.

- c. Kira-kira Wang Pentadbiran hendaklah diasingkan daripada Kumpulan Wang Bantuan.

Fasal 6

WANG TABUNGAN

- a. Tiap-tiap ahli baru hendaklah membayar wang pendaftaran sebanyak RM30.00 (Ringgit:tiga puluh sahaja).
- b. Wang pendaftaran gunanya semata-mata untuk membayar pendahuluan bantuan kematian dan tidak boleh digunakan untuk perkara-perkara lain.
- c. Bila ada kematian wang khairat boleh dibayar dari kumpulan wang pendaftaran ahli ahli. Setelah itu hendaklah dikutip balik daripada tiap-tiap ahli dengan sama banyak untuk mencukupkan wang yang telah dibayar itu. Ahli-ahli yang tidak membayar wang imbuhan tersebut tidak berhak mendapat apa-apa bantuan jika wang pendaftarannya telah habis.
- d. Ahli-ahli yang wang pendaftarannya telah habis akan diberikan surat peringatan oleh Setiausaha atau Bendahari dan jika mereka itu masih tidak membayar balik wang pendaftaran dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat peringatan dikeluarkan, merekaitu akan dianggap sebagai telah berhenti menjadi ahli. Ahli-ahli yang berhenti menjadi ahli tidak berhak menerima bantuan kematian dan menuntut balik apa-apa wang yang telah dibayar kepada persatuan ini.

Fasal 7

BANTUAN KEWANGAN

Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti berikut :

- a. Kematian diri ahli.....RM1000.00
- b. Kematian isteri/suami ahli.....RM1000.00
- c. Kematian tanggungan (anak) ada dalam daftar Setiausaha.....RM300.00
- d. Kematian tanggungan khas ahli yang diakui oleh 2 Ahli Jawatankuasa.....RM250.00

Fasal 8

SYARAT BANTUAN

- a. Bantuan kematian akan dibayar cuma atas kematian ahli dan tanggungan yang namanya ada dalam daftar simpanan Setiausaha dengan syarat dibuktikan dengan Sijil Kematian yang sah. Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada warisnya. Satu kematian hanya layak menerima satu bantuan sahaja.
- b. Sekiranya berlaku kematian tanggungan pada seorang ahli maka ahli yang berkenaan dikehendaki melaporkan kematian tanggungannya itu kepada Setiausaha atau Bendahari untuk membuat tuntutan wang bantuan kematian tersebut.
- c. Sekiranya berlaku kematian pada diri ahli sendiri maka warisnya yang hamplr dikehendaki melaporkan kematian itu kepada Setiausaha atau Bendahari untuk mendapatkan wang bantuannya.
- d. Wang bantuan ini boleh dikeluarkan dan diberikan dengan syarat semasa membuat laporan itu salinan surat keterangan mati atau Sijil Kematian atau Kebenaran Pengebumian ada dibawa dan ditunjukkan bersama sebagai bukti dan diserahkan kepada Persatuan untuk rujukan dan rekod.

Fasal 9

JAWATANKUASA

- a. Kuasa tertinggi bagi Persatuan ini terletak di atas Mesyuarat Agung. Di Mesyuarat Agung Tahunan, ahli-ahli hendaklah memilih Ahli-ahli Jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan Persatuan. Mereka ini akan memegang jawatan selama 2 (dua) tahun atau sehingga Mesyuarat Agung bagi tahun kedua berikutnya dilangsungkan. Ahli-ahli

Jawatankuasa itu mengandungi :

- i. Seorang Yang DiPertua
- ii. Seorang Naib Yang DiPertua
- iii. Seorang Setiausaha

- iv. Seorang Penolong Setiausaha
 - v. Seorang Bendahari
 - vi. 14 (empat belas) orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang mana 3 (tiga) orang adalah dilantik oleh Yang DiPertua daripada Ahli-ahli Persatuan yang berjauhan.
- b. Semua ahli yang berkhidmat di dalam jawatankuasa dan setiap Pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif Persatuan hendaklah Warganegara Malaysia.
 - c. Semua nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua Ahli Jawatankuasa dan Pegawai boleh dilantik semula selepas tempoh perkhidmatan berakhir.

Fasal 10

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

a. Yang Di Pertua

- i. Hendaklah mengawal semua perjalanan Persatuan ini dan menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Persatuan ini. Sekiranya ketiadaan Yang DiPertua atau Naib Yang DiPertua, maka Jawatankuasa boleh melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa untuk mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa ataupun Mesyuarat Agung.
- ii. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani Minit-minit Mesyuarat yang diluluskan.
- iii. Beliau juga berkuasa melantik 3(tiga)orang Ahli Jawatankuasa Biasa tambahan dari kalangan Ahli-ahli Persatuan yang berjauhan mengikut peruntukan Fasal 18(vi) di atas.
- iv. Beliau hendaklah menandatangani semua cek-cek bersama Setiausaha atau Bendahari.

b. Naib Yang DiPertua

Hendaklah membantu Yang DiPertua menyelia urusan pentadbiran Persatuan. Dalam masa ketiadaan Yang Dipertua, beliau akan mempengerusikan segala mesyuarat dan juga tugas-tugas Yang DiPertua.

c. Setiausaha

Hendaklah menguruskan segala surat menyurat bagi pihak Persatuan, menyimpan segala peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, menjaga buku buku peringatan tentang perjalanan Persatuan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggara oleh Setiausaha serta menjalankan segala keputusan-keputusan mesyuarat. Buku daftar bagi ahli-ahli `hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut :

- a. Bil.Siri
- b. Nama Ahli dan No.Ahli
- c. Tarikh Menjadi Ahli
- d. Umur/Tarikh Lahir
- e. No.Kad Pengenalan
- f. Alamat
- g. Pekerjaan
- h. Nama-Nama Tanggungan

d. Penolong Setiausaha

Hendaklah menolong menjalankan tugas-tugas Setiausaha dan mengambil alih tugas semasa ketiadaannya.

e. Bendahari

Bertanggungjawab memungut segala yuran ahli Persatuan, menyimpan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut :

- i. Penyata Kira-kira Bulanan.
- ii. Penyata Kira-kira Tahunan berakhir 31 Disember. Penyata ini hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung.
- iii. Hendaklah menjaga segala pendapatan dan perbelanjaan serta menyimpan Kira-kira Kewangan yang betul, menandatangani semua resit dan hendaklah ia memasukkan

Wang tunai yang lebih dari RM1500.00 (Ringgit:Seribu Lima Ratus Sahaja) ke dalam mana-mana bank yang dipersetujui oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa.

iv. Segala surat-surat untuk mengeluarkan wang dan memasukkan dari Bank, hendaklah ditandatangani bersama 2 (dua) daripada 3 (tiga) orang penjawat utama iaitu Yang DiPertua, Setiausaha, dan Bendahari. Akaun bank hendaklah atas nama Persatuan.

f. Ahli Jawatankuasa Biasa

Hendaklah hadir di dalam mesyuarat jawatankuasa dan membantu pegawai-pegawai tersebut menjalankan tugas-tugas mereka.

Fasal 11

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

a. Hendaklah diadakan tidak lewat daripada 31 Mac tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat termasuk Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 (empat belas) hari sebelum diadakan mesyuarat.

b. Perkara-perkara yang diuruskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ialah :

- i. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu.
- ii. Menerima Laporan Jawatankuasa berkaitan dengan aktiviti tahun lalu.
- iii. Menerima penyata Kira-kira bagi tahun lalu.
- iv. Melantik Ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira setiap 2 (dua) tahun sekali.
- v. Membincangkan usul dan perkara-perkara yang lain yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.

c. Mesyuarat Agung Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli tidak kurang dari 3 (tiga) kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa.

Fasal 12

MESYUARAT AGUNG KHAS

- a. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan pada bila-bila masa apabila difikirkan mustahak oleh Mesyuarat Jawatankuasa atau di atas permintaan bersurat yang ditandatangani beramai-ramai tidak kurang $\frac{1}{5}$ (satu perlima)daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak mengadakan Mesyuarat Agung Khas itu. Setiausaha hendaklah menguruskan persiapan mesyuarat supaya dapat diadakan dalam tempoh 30 (tiga puluh)hari dari tarikh penerimaan permintaan bersurat berkaitannya.
- b. Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7(tujuh)hari sebelum tarikh mesyuarat.
- c. Mesyuarat hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari 3(tiga)kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa.
- d. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh 30 (tiga puluh)hari dari tarikh permintaan.

Fasal 13

JURUAUDIT

- a. 2(dua)orang ahli Persatuan yang bukannya Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama 2(dua) tahun.
- b. Hendaklah memeriksa Kira-kira Persatuan ini sekurang-kurangnya 12(dua belas)bulan sekali atau bila-bila masa yang diperintahkan oleh Yang DiPertua dan menyampaikan hasil pemeriksaannya itu kepada Ahli Jawatankuasa dan kepada semua peringkat mesyuarat.
- c. Sekurang-kurangnya sekali setiap tahun kira-kira Persatuan hendaklah dikemukakan untuk diaudit oleh seorang Juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 14

PERKARA AM

- a. Setiap pemohon yang telah diluluskan menjadi Ahli persatuan hendaklah selepas

membayar yuran masuk dan yuran bulanan bagi bulan pertamanya disifatkan memperolehi semua hak dan kewajipan dan tanggungjawab serta patuh kepada Perlembagaan Persatuan.

b. Seseorang ahli akan disifatkan berhenti menjadi Ahli Persatuan jika tidak menjelaskan yuran bulanan 3(tiga)bulan berturut-turut atau selang seli dalam satu tahun kalendar. Beliau tidak berhak menerima apa jua bantuan atau menuntut apa-apa wang yang telah dibayar kepada Persatuan.

c. Setiap ahli berhak atas perkara kewangan persatuan ini boleh dengan memberi kenyataan, memeriksa Buku Kira-kira Persatuan, nama-nama dan perihal ahli dan tanggungannya yang disimpan dengan syarat memaklumkan kepada Setiausaha 5(lima)hariterlebih dahulu.

d. Setiap ahli yang ada kemusykilan terhadap Ahli Jawatankuasa, Pegawai-pegawai Persatuan atau Persatuan boleh mengemukakannya di dalam Mesyuarat Agung.

e. Ahli yang didapati melanggar Perlembagaan Persatuan sehingga mencemarkan nama baik dan merugikan Persatuan boleh dipecat oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan ahli berkenaan boleh merayu pemecatannya tersebut dalam Mesyuarat Agung.

f. 50%(lima puluh peratus)daripada kumpulan wang Persatuan yang tidak terlibat dengan segera untuk membayar faedah atau pembiayaan Persatuan bolehlah dilaburkan dalam sekuriti amanah atau dengan persetujuan Pendaftar atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan bagi membeli aset dan harta tak alih seperti tanah,bangunan, dan sebagainya.

g. Seseorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak akan diterima menjadi Ahli Persatuan ini kecuali dia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti berkenaan.

Fasal 15

PENGAMANAH

a. 2(dua)orang yang berumur lebih daripada 21(dua puluh satu)tahun dan bukan Setiausaha atau Bendahari Persatuan ini boleh dilantik dalam Mesyuarat Agung sebagai Pengamanah untuk menjaga harta-harta tetap Persatuan ini.

b. Pengamanah akan memegang jawatan selama 3(tiga)tahun.Melainkan jika dipecat oleh Mesyuarat Agung maka dengan itu penggantinya akan dipilih dalam mesyuarat tersebut.

c. Dokumen ketetapan melantik Pengamanah yang ditandatangani oleh Pengamanah itu sendiri dan disahkan oleh Setiausaha Persatuan hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 16

TAFSIRAN

Jika timbul sesuatu masalah atau perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini maka berkuasalah Jawatankuasa menimbangkan atau memutuskan melainkan jika dikehendaki oleh Mesyuarat Agung menetapkan keputusannya.

Fasal 17

PINDAAN PERLEMBAGAAN

a. Segala pindaan kepada Perlembagaan Persatuan ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ (tiga perempat)daripada jumlah Ahli Persatuan dengan cara undi terbuka atau undi sulit.

b. Permohonan untuk perubahan atau pindaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 (enam puluh) hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada Tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 18

PEMBUBARAN

Persatuan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung yang dihadiri oleh tidak kurang daripada $\frac{3}{4}$ (tiga perempat) daripada semua bilangan ahli. Apabila sudah tetap keputusan membubarkan, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan hendaklah diselesaikan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagikan sama rata kepada semua ahli. Kenyataan berkenaan dengan

pembubaran Persatuan hendaklah dihantar kepada jabatan Pendaftaran Pertubuhan dalam masa 14(empat belas)hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.

Fasal 19 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

-

Fasal 20 **MENJADI AHLI**

Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftarkan namanya, nama – nama tanggungannya, lengkap dengan tarikh lahir, no.kad pengenalan, umur, alamat dan lain-lain maklumat di dalam Borang masuk Ahli kepada Setiausaha. Mesyuarat Jawatankuasa berkuasa melulus atau menolak permohonan menjadi ahli

Fasal 21 **DERMA IKHLAS**

Persatuan ini boleh mengadakan kutipan derma ikhlas jika diperlukan yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa dalam apa cara sekali pun yang tidak bertentangan dengan undang-undang Negeri dan undang-undang dasar pentadbiran Persatuan ini dan segala butir-butirnya hendaklah dicatatkan dalam buku Pentadbiran Persatuan ini.

Fasal 22 **PENERIMA BANTUAN**

Bantuan yang layak diberikan kepada ahli dan keluarganya Adalah seperti berikut :

- a. Diri ahli
- b. Isteri-isteri ahli
- c. Anak lelaki yang berumur tidak lebih daripada 21(dua puluh satu) tahun dan anak perempuan yang belum bersuami.
- d. Ibu bapa dan ibu bapa mertua yang dalam tanggungan khas yang berlaku di rumah ahli ditimbangkan oleh Ahli Jawatankuasa.

Fasal 23

BANTUAN RAWATAN SAKIT YANG TERLANTAR

Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku sakit dan dimasukkan ke dalam Hospital Kerajaan untuk mendapatkan rawatan seperti berikut :

- a. Pesakit diri ahli.RM150.00
- b. Pesakit isteri/suami ahli.....RM150.00
- c. Pesakit yang didaftarkan sebagai tanggungan ahli.....RM120.00
- d. Pesakit tanggungan ahli yang telah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa yang tiada dalam daftarRM100.00

Fasal 24

SYARAT BANTUAN RAWATAN SAKIT YANG TERLANTAR

Bantuan rawatan sakit akan dibayar cuma atas rawatan ahli dan tanggungannya yang layak dengan syarat pesakit tinggal dan dirawat di mana-mana Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta tidak kurang dari 7(tujuh) hari secara berterusan. Bukti "Discharge Note" daripada hospital berkenaan hendaklah dikemukakan apabila membuat tuntutan dalam tempoh 30 (tiga puluh) hari dari tarikh "discharge".

Fasal 25

BANTUAN KEMALANGAN MENGEJUT PADA DIRI DAN HARTA

Wang akan dikeluarkan untuk bantuan kepada kemalangan mengejut pada diri yang parah dan harta musnah seperti di bawah :

- a. Kemalangan pada diri ahli.....RM100.00
- b. Kemalangan pada diri isteri/suami.....RM100.00
- c. Kemalangan pada diri anak ahli.....RM80.00
- d. Kemalangan pada diri ibu bapa serta mertua yang di dalam daftar tanggungannya.....RM70.00
- e. Kemalangan harta khas bagi ahli-ahli Sahaja.....RM150.00

Fasal 26

SYARAT BANTUAN KEMALANGAN DIRI

a. Kemalangan mengejut: Kemalangan mengejut yang diberi bantuan ialah kemalangan diri seperti luka-luka parah atau patah disebabkan jatuh atau pelanggaran kenderaan yang teruk dan lain-lain. Hendaklah dibuktikan sama ada laporan polis atau klinik atau tinggal dalam wad Hospital Kerajaan tidak kurang daripada 14 (empat belas) hari.

b. Kemalangan harta Seperti rumah terbakar, roboh kena ribut yang menyebabkan harta atau rumah itu habis musnah dengan syarat keadaan itu dapat disaksikan kebenarannya oleh Setiausaha, Bendahari serta 2(dua)orang Ahli Jawatankuasa.

Fasal 27

BERHENTI MENJADI AHLI

a. Sebab gila, mati, dan sebagainya.

b. Tidak mematuhi dasar tujuan dan peraturan-peraturan Persatuan ini.

c. Tidak menjelaskan bayaran yuran bulanan berturut-turut/berselang-seli selama 3(tiga) bulan walaupun surat peringatan bagi pembayaran tersebut telah dikeluarkan itu 2(dua) kali berturut-turut.

d. Meminta berhenti dengan sendirinya atau diberhentikan kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dimaafkan. Ahli yang hendak berhenti menjadi ahli Persatuan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.

e. Ahli yang dipecat atau diberhentikan atau memohon berhenti tidak boleh memohon menjadi ahli semula kecuali rayuannya untuk menjadi ahli diberi pertimbangan oleh Mesyuarat Agung.

Fasal 28

PERLETAKAN JAWATAN DAN MENAMATKAN PERKHIDMATAN JAW

a. Ahli Jawatankuasa boleh memohon berhenti sebagai Jawatankuasa dengan syarat menyatakan sebab-sebabnya kepada Setiausaha dengan bersurat dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa untuk ditimbang atau disahkan. Mesyuarat itu juga berkuasa melantik seorang ahli yang difikirkan layak untuk memegang jawatan yang

kosong sehingga ke Mesyuarat Agung Tahunan, melainkan Setiausaha sahaja yang dimestikan memberi surat permohonannya kepada Yang Dipertua.

b. Seseorang Ahli Jawatankuasa bolehlah diberhentikan dari jawatannya sekiranya didapati ia tidak sanggup menjalankan tugas-tugasnya mengikut peraturan atau menyalahgunakan sebarang amanah yang diberikan kepadanya atau gagal hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa 3(tiga)kali berturut-turut tanpa keterangan sebab yang memuaskan kepada Jawatankuasa.

c. Pemecatan Ahli-ahli Jawatankuasa dan pilihan penggantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Agung Khas. Mesyuarat Jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana Ahli-ahli Jawatankuasa yang berhenti atau meninggal dunia.

Fasal 29

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

a. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya 3(tiga)bulan sekali atau dengan permintaan bersurat dari 1/3(satu pertiga) Ahli Jawatankuasa Persatuan. Yang DiPertua berkuasa memanggil Mesyuarat Jawatankuasa bila-bila masa yang difikirkan mustahak.

b. Notis dan agenda untuk mesyuarat itu hendaklah diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7(tujuh)hari sebelum diadakan mesyuarat.

c. Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang $\frac{1}{2}$ (setengah) dari jumlah Ahli Jawatankuasa.

Fasal 30

SUARA

Semua ahli dalam Persatuan ini berhak bersuara dalam semua hal mesyuarat. Sekiranya terdapat suara yang sama maka Yang DiPertua berhak memberikan undi pemutusnya.

Fasal 31 **SALINAN PERLEMBAGAAN**

Setiap ahli hendaklah diberi sesalinan Buku Perlembagaan Persatuan ini sama ada dengan percuma atau dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Fasal 32 **HAD PERBELANJAAN**

a. Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM2000.00 (Ringgit:Dua Ribu Sahaja) boleh dibenarkan dalam satu bulan oleh Bendahari bersama-sama Yang DiPertua atau Setiausaha dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya.

b. Sesuatu perbelanjaan melebihi RM2000.00 (Ringgit:Dua Ribu Sahaja) dalam satu bulan tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Agung. Bagaimanapun pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam Seksyen 11,12, dan Seksyen 15 di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat melayakkan bantuan dipatuhi dan disempurnakan.

Fasal 33 **MENUNTUT HAK**

Seseorang ahli yang berhenti menjadi Ahli Persatuan ini kerana meminta berhenti atau diberhentikan tidak berhak menuntut kembali sebarang harta atau wangnya yang telah diberikannya kepada Persatuan ini.

Fasal 34 J **URUAUDIT LUAR**

Jawatankuasa boleh melantik seorang atau lebih Juruaudit Luar bagi membantu perakaunan Persatuan disediakan secara teratur mengikut sistem perakaunan yang sewajarnya. Elaun atau saguhati boleh diberikan bagi perkhidmatan yang dilakukan yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

Fasal 35 **MELANTIK AHLI-AHLI KEHORMAT**

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan dibolehkan Persatuan ini melantik Ahli-ahli Kehormat iaitu Penasihat dan seorang Penaung.

Fasal 36

TABUNG PERSEKOLAHAN

a. Persatuan ini boleh mengutip derma untuk menubuhkan tabung persekolahan dan wang itu akan dibahagi-bahagikan pada setiap hujung tahun untuk membantu anak-anak ahli yang tidak berkemampuan dalam membiayai persekolahan anak anak mereka.

b. Yang Dipertua, Setiausaha, Bendahari serta 2(dua) orang Ahli Jawatankuasa akan meneliti serta menyiasat kebenarannya setipa ahli yang memohon bantuan dari tabung persekolahan itu. Jumlah wang bantuan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa.

Fasal 37

LAMPIRAN

1. Bendera

-

Keterangan :

-

-

2. Lambang

-

Keterangan:

-

3. Lencana

Keterangan